

# → HARI KEPUTERAAN

HARI KEPUTERAAN YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN

## 831 terima bintang, pingat



Dr K Sree Raman



Mat Ali Hassan



Noor Azlan Ghazali



Jaafar Mohd Yusof

➔ Pakar Perunding Kanan Perubatan HTJ dahului senarai

Oleh Ifwan Tun Tuah  
ifwan@bh.com.my

► Seremban

**P**akar Perunding Kanan Perubatan Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) di sini, Datuk Dr K Sree Raman, mendahului senarai 831 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan Ke-69 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan,

Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, hari ini.

Beliau akan menerima Darjah Seri Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Terbilang (SSTM) membawa gelaran Datuk Seri, pada istiadat pengurniaan yang akan diadakan di Istana Besar, Seri Menanti, Kuala Pilah, pada Khamis ini.

Seramai empat orang pula menerima Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SSNS) yang turut membawa gelaran Datuk Seri, iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan; Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali serta dua bekas Hakim Mahkamah Rayuan, iaitu Datuk Mohd Hishamudin Md Yunus dan Datuk Azhar Maah.

Lapan orang menerima Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan

(DPNS) yang membawa gelaran Datuk, iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Linggi, Abdul Rahman Mohd Redza; ADUN Gemencheh, Mohd Isam Mohd Isa; Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Jaafar Mohd Yusof dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Negeri Sembilan, Siti Mariam Othman.

Timbalan Ketua Bahagian Kardiologi, Institut Jantung Negara, Datuk Dr Amin Ariff Nuruddin; Asisten Ketua Staf Kejuruteraan Markas Tentera Udara Wisma Pertahanan, Mej Jen Datuk Ir Razali Abd Ghani; peguam, Lim Chee Wee dan ahli perniagaan, Soh Poh Soon.

### Darjah DSTM

Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Isteri-Isteri Wakil Rakyat dan Pegawai-Pegawai Kanan (PEKERTI)

Negeri Sembilan, Datin Seri Raja Salbiah Tengku Nujumudin serta Pakar Runding Anestesiologi dan Rawatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Dr Wan Rahiza Wan Mat, masing-masing menerima Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) membawa gelaran Datuk.

Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang turut membawa gelaran Datuk dianugerahkan kepada 31 orang, termasuk Pengarah Kesihatan negeri, Dr Abdul Rahim Abdullah; Pengarah Jabatan Kerja Raya negeri, Abdul Karim Mohd Tahir serta Pengurus Besar Kanan (Kawasan Tengah) LJM Corporation Berhad, Hoo Kim See.

Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) UKM, Prof Dr Rashila Ramli; Naib Presiden PERODUA Auto Corpo-

ration Sdn Bhd, Zainal Abidin Ahmad; Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Dr Zulkiple Abd Ghani.

Penolong Ketua Pengarah (Operasi Kebombaan) Jabatan Bomba dan Penyelamat, Zurkarnain Mohd Kassim; Pengarah Peperangan Informasi Bahagian Staf Perisikan Pertahanan, Brig Jen Basri Kasban dan Pengerusi GERAKAN Negeri Sembilan, Choong Vee Hing.

Selain itu, seramai 40 orang menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS), Darjah Tuanku Muhriz (8), Darjah Pekerti Terpilih (17), Pingat Ahli Setia Negeri Sembilan (98), Pingat Setiawan Tuanku Muhriz (2), Pingat Khidmat Cemerlang (223), Pingat Jasa Kebaktian (366), Pingat Khidmat Lama (18) dan Bentara Tuanku Muhriz (14).